

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KIK SEMPENA SAMBUTAN HARI INOVASI PLANMalaysia 2017

1. PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menggariskan tatacara permohonan penyertaan ke Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat PLANMalaysia. Garis panduan ini adalah selaras dengan **Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil 1 Tahun 2016** iaitu **Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif** bagi menggantikan Garis Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada tahun 2009.

2. OBJEKTIF

Objektif konvensyen KIK PLANMalaysia adalah untuk:

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga PLANMalaysia yang terlibat dalam KIK dengan memberi peluang kepada KIK membuat persembahan dan seterusnya secara langsung memberi kebaikan dan menaikkan imej Jabatan;
- ii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan;
- iii. Meningkatkan penyertaan semua peringkat anggota di Jabatan/Bahagian dalam aktiviti penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan;
- iv. Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang telah dilaksanakan dan terbukti mendatangkan manfaat agar dapat dicontohi dan diamalkan di seluruh Jabatan, Kementerian dan agensi lain di dalam dan di luar negara amnya; dan
- v. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- i. Penyertaan adalah dibuka kepada semua Bahagian/ Pejabat Projek/ PLANMalaysia @Negeri, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa).
- ii. Kumpulan yang mengambil bahagian adalah merupakan kumpulan yang telah mempersembahkan projek mereka kepada pihak pengurusan di semua Bahagian/Pejabat Projek/ PLANMalaysia@Negeri masing-masing.

- iii. Projek KIK hendaklah yang belum dipersembahkan oleh kumpulan dalam mana-mana konvensyen peringkat Negeri/Kebangsaan (Sektor Awam) pada tahun-tahun sebelumnya.
- iv. Projek kumpulan mestilah telah selesai dilaksanakan sebelum Pertandingan pada tahun semasa.
- v. Pencalonan menyertai Pertandingan KIK hendaklah dikemukakan melalui Bahagian/Pejabat Projek/ PLANMalaysia@Negeri masing-masing kepada Urus setia Pertandingan KIK Sempena Sambutan Hari Inovasi PLANMalaysia 2017, Bahagian Korporat, dengan menggunakan Borang yang dilampirkan.
- vi. Bilangan maksima ahli-ahli bagi setiap KIK yang mengambil bahagian di dalam Pertandingan KIK 2017 adalah dihadkan kepada 10 orang termasuk ketua kumpulan (sila rujuk Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil 1 Tahun 2016 iaitu Panduan Pembudayaan dan Pemeraksanaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU pada 30 Ogos 2016).
- vii. Urus setia berhak menolak sebarang penyertaan yang melanggar peraturan dan mengubah sebarang syarat yang dirasakan perlu dari masa ke semasa. Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan untuk menyertai Pertandingan oleh Urus setia adalah muktamad.
- viii. Keputusan Panel Penilai Pertandingan KIK PLANMalaysia 2017 terhadap penilaian projek kumpulan adalah muktamad.

4. PEMBENTANGAN PROJEK

- i. Semua kumpulan dikehendaki bersiap sedia 5 minit lebih awal dari masa yang telah ditetapkan dalam Jadual Pembentangan KIK.
- ii. Masa 5 minit akan diberikan untuk memasang peralatan oleh kumpulan.
- iii. Montaj yang tidak melebihi 2 minit dibenarkan (Markah penalti akan dikenakan jika melebihi masa tertentu).
- iv. **Keseluruhan masa pembentangan projek KIK adalah 10 minit sahaja.**

5. PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

- i. Setiap kumpulan akan dinilai berdasarkan Penilaian Projek KIK Melalui Dokumentasi (60%) dan Penilaian Pembentangan Projek KIK (40%).
- ii. Skema Pemarkahan adalah seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**.
- iii. Penilaian Projek KIK Melalui Dokumentasi:
 - Penilaian dokumentasi projek diadakan secara bersemuka antara panel dan peserta berdasarkan kriteria penilaian dan skema pemarkahan seperti di lampiran 1.
 - Tempoh sesi soal jawab untuk setiap kumpulan adalah selama 15 minit hingga 45 minit untuk menjawab soalan-soalan dari ahli panel penilai secara terperinci mengenai projek berdasarkan dokumen yang telah dikemukakan. Penilaian akan dijalankan oleh ahli-ahli Panel dan keputusan adalah muktamad.
- iv. Penilaian Persembahan Projek KIK:
 - Persembahan setiap kumpulan yang mengambil bahagian di Pertandingan akan dinilai berdasarkan kepada kriteria seperti yang telah ditetapkan seperti lampiran 2.
 - Setiap kumpulan akan diberikan 10 minit untuk membuat persembahan. Masa persembahan akan bermula selepas perkataan pertama disebutkan oleh kumpulan. Sekiranya tiada permulaan oleh kumpulan, loceng/buzzer permulaan akan dibunyikan setelah tamat 5 minit masa persediaan. Loceng kedua akan dibunyikan setelah cukup 8 minit; dan loceng/buzzer penamat akan dibunyikan dua (2) kali setelah cukup 10 minit persembahan.
 - Penilaian akan dijalankan oleh ahli-ahli Panel. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad.
- v. Penyerahan Laporan KIK dan Soft Copy maklumat Projek/Kumpulan
 - Penyerahan Laporan Projek KIK (4 naskah) dan salinan persembahan projek KIK dalam bentuk CD dengan menggunakan Microsoft Powerpoint.
- vi. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad.

6. HADIAH PERTANDINGAN

- i. Pemenang-pemenang akan menerima pengiktirafan seperti berikut:
 - a. Tempat Pertama : Wang Tunai RM5,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan
 - b. Tempat Kedua : Wang Tunai RM3,000.00 dan Sijil Penghargaan
 - c. Tempat Ketiga : Wang Tunai RM2,000.00 dan Sijil Penghargaan
 - d. Persembahan terbaik : Sijil Penghargaan

7. TARIKH TUTUP PERTANDINGAN

- i. Semua penyertaan hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran 3** (diisi dengan lengkap) dan perlu dikemukakan kepada pihak Urus setia selewat-lewatnya pada **24 JULAI 2017 (ISNIN) sebelum jam 5.00 petang.**
- ii. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **AKAN DITOLAK.**
- iii. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pn. Mariyanti bt. Mad Desa
[\(\[mariyanti@townplan.gov.my\]\(mailto:mariyanti@townplan.gov.my\)\)](mailto:mariyanti@townplan.gov.my)
Tel : 03-22650622

Pn. Hasnida bt. Soaid
[\(\[hasnida@townplan.gov.my\]\(mailto:hasnida@townplan.gov.my\)\)](mailto:hasnida@townplan.gov.my)
Tel : 03-22650621

Alamat :

Urus Setia Pertandingan KIK
Sempena Sambutan Hari Inovasi PLANMalaysia 2017
Bahagian Korporat,
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur
Tel : 03 – 22650600 Faks : 03 – 22650604

LAMPIRAN 1

**SKEMA PEMARKAHAN DOKUMENTASI PROJEK KIK
PERTANDINGAN KIK PLANMalaysia 2017**

KATEGORI KIK : **PRIMER / HYBRID**
NAMA KUMPULAN :

BIDANG PROJEK : **INOVASI SOSIAL /
INOVASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

KATEGORI PROJEK : **PENCIPTAAN / PENAMBAHBAIKAN**
TAJUK PROJEK :

BIL.	KRITERIA PENILAIAN	SUB-KRITERIA PENILAIAN		WAJARAN	MARKAH (skala 1-5)	JUMLAH
1	Penglibatan pihak pengurusan [2]	a.	Sokongan & kelulusan pihak pengurusan tertinggi setiap agensi terlibat	2		
2	Signifikasi Projek & Pembuktian [10]	a.	Kaitan dgn fungsi utama jabatan/organisasi	1		
		b.	Memenuhi kehendak pelanggan & pemegang taruh (stakeholder)	2		
		c.	Kaitan dengan agenda nasional * bukti usahasama antara agensi - TN50 - GTP - ETP - SOCIAL - Rancangan Malaysia	3		
		d.	Kaitan dengan keadaan & ekosistem semasa - localised (addressing local needs) - kegawatan ekonomi	2		
		e.	Pembuktian melalui analisis (bagi tujuan penyelesaian) & ujicuba	2		
3	Tindakan penyelesaian & pembuktian [25]	a.	Cadangan penyelesaian & strategi pelaksanaan	4		
		b.	Pelan tindakan penyelesaian	6		
		c.	Pelaksanaan tindakan	12		

			penyelesaian			
		d.	perakuan daripada pihak bertauliah	3		
4	KEBERHASILAN PROJEK					
4.1	Outcome projek [dijangka] & pembuktian Analisa berasaskan: [35]	a.	Kesan jangka pendek	12		
		b.	Nilai tambah @ value added	13		
		c.	Pembuktian melalui data & sumber rasmi	10		
4.2	Impak projek (luar jangka)& pembuktian [18]	a.	Kesan jangka panjang - Kesan kepada pembangunan serta kemajuan negara	6		
		b.	Impak projek (hasil luar jangka)	6		
		c.	Pembuktian melalui data rasmi	6		
5	Potensi pengembangan inovasi [10]	a.	Tahap ketersediaan teknologi/ sistem/ proses	4		
		b.	Tahap Replikasi/pengkomersialan (ROI) - penyeragaman & pemantauan	6		
			JUMLAH	100		
Penilaian Dokumentasi Projek KIK - 60%						

* sediakan tiga (3) salinan skema pemarkahan bagi tujuan penilaian.

LAMPIRAN 2

**SKEMA PEMARKAHAN PEMBENTANGAN PROJEK KIK
PERTANDINGAN KIK PLANMalaysia 2017**

KATEGORI KIK : PRIMER / HYBRID

NAMA KUMPULAN :

**BIDANG PROJEK : INOVASI SOSIAL /
INOVASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

KATEGORI PROJEK : PENCIPTAAN / PENAMBAHBAIKAN

TAJUK PROJEK :

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH	MARKAH PENILAI
1	Pengenalan Projek		
	a. Pengenalan/Pendahuluan	5	
	b. Latar belakang projek	5	
2	Analisis Projek		
	a. Kaedah analisis jelas dan difahami	10	
	b. Kesenambungan idea antara idea	10	
	c. Persembahan data yang tersusun dan menarik	5	
3	Cadangan Penyelesaian		
	a. Cadangan yang jelas dan difahami	10	
	b. Pemilihan cadangan yang logik dan difahami	10	
	c. Pelaksanaan (dry run) yang logik dan difahami	5	
4	Outcome & Impak		
	a. Outcome diukur dan dijelaskan dengan baik	10	
	b. Impak diukur dan dijelaskan dengan baik	10	
5	Kreativiti Penyampaian	20	
	JUMLAH	100	
Penilaian Pembentangan Projek KIK - 40%			

* sediakan tiga (3) salinan skema pemarkahan bagi tujuan penilaian.

LAMPIRAN 3

**DAFTAR AHLI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
SEMPENA SAMBUTAN HARI INOVASI PLANMalaysia 2017**

Nama Kumpulan:		Bahagian/ Pejabat Projek/PLANMalaysia@Negeri:	
Tarikh Penubuhan :		No. Telefon:	
Emel :			
Fasilitator :			
Ketua Kumpulan :		1.	
Ahli Kumpulan :		2.	
		3.	
		4.	
		5.	
		6.	
		7.	
		8.	
		9.	
		10.	

RINGKASAN PROJEK

Tajuk Projek :.....

(Panjang Ringkasan Projek Adalah Antara 100 Hingga 150 Patah Perkataan)

* sediakan tiga (3) salinan skema pemarkahan bagi tujuan penilaian